

16 JUN 2003

Parlimen-Hina

HARAKAH DIBIDAS KAITKAN SARS DENGAN PM

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri diminta mengkaji semula permit yang diberikan kepada akhbar milik PAS, Harakah, yang dianggap telah melakukan perbuatan melampau dengan mengaitkan punca wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS) dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata apa yang dilakukan oleh Harakah itu, merupakan satu perbuatan yang amat biadab dan tidak bertanggungjawab.

"Tindakan yang keras mesti diambil terhadap Harakah," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Perbuatan Harakah menyiarkan lakaran Dr Mahathir (yang dilukis berhidung khinzir) secara bersebelahan dengan gambar khinzir yang dikononnya menjadi punca merebaknya SARS, dibangkitkan oleh Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) semasa sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

"PAS melalui Harakah telah membayangkan bahawa penyakit SARS yang dipercayai berpunca daripada khinzir itu, sah daripada 'mahatzir' (ejaan Mahathir yang diubah suai)," kata Mohamad.

Beliau berkata tindakan itu merupakan satu penghinaan kepada Perdana Menteri dan mengkhianati negara.

"Saya berharap orang PAS biar rasional sikit, biar beretika, biar Islamik sikit, jangan paparkan perkara yang menjijikkan dan menarik kebencian rakyat," katanya.

Mohamad berkata apa yang dilakukan oleh akhbar itu amat berat, dan tidak boleh diterima oleh rakyat negara ini, apatah lagi ia ditujukan kepada pemimpin yang telah berjasa kepada negara dan seluruh dunia.

"Apakah ini satu parti yang berteraskan Islam? Ini bukan Islamik, ini iblis, menghina pemimpin yang telah banyak berjasa kepada negara dan seluruh dunia," katanya.

Katanya sebagai akhbar yang mewakili parti yang mendakwa memperjuangkan Islam, perbuatan itu tidak boleh diterima kerana ia berbentuk fitnah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar berkata tindakan Harakah itu adalah agenda politik murahan PAS.

"Inilah cara politik murahan, budaya yang boleh menjatuhkan imej kita sebagai orang Islam. Kita minta supaya PAS jika mahu berpolitik pun, biarlah berpolitik secara hikmah dan mengikut cara Islam," katanya.

Beliau berkata tindakan Harakah itu sebenarnya bertujuan membangkitkan perasaan rakyat supaya memandangi hina Dr Mahathir, sedangkan Perdana Menteri mendapat sanjungan peringkat dunia.

Noh turut menggesa KDN mengkaji semula permit akhbar itu dengan mengambil kira faktor bahawa penerbitannya boleh menimbulkan perpecahan dan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

-- BERNAMA

SNS HS MAI